

Empat Pesuruhjaya Kehakiman dilantik hakim Mahkamah Tinggi

PRESIDEN Tony Tan Keng Yam, dengan nasihat Perdana Menteri Lee Hsien Loong, telah melantik empat hakim Mahkamah Tinggi di bawah Artikel 95(1) Perlembagaan, menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri (PMO) semalam.

Mereka ialah Pesuruhjaya Kehakiman Thean Pik Yuen Valerie, Hoo Sheau Peng, Debbie Ong Siew Ling dan Aedit Abdullah.

Pelantikan mereka bermula pada 30 September.

Ini bermakna Mahkamah Agung akan mempunyai 22 hakim, termasuk lima Hakim Rayuan dan Hakim Besar, empat Pesuruhjaya Kehakiman, lima Hakim Kanan dan 12 Hakim Antarabangsa.

Pesuruhjaya Kehakiman Thean pernah berkhidmat di mahkamah, Pejabat Peguam Negara (AGC) dan Kementerian Undang-Undang.

Beliau juga merupakan Hakim Daerah Kanan Divisyen Keadilan Keluarga dan Juvenil di Mahkamah Negara dari Mac 2014 sebelum memegang jawatan terkini selaku Pesuruhjaya Kehakiman di Mahkamah Agung pada 30 September 2014.

Pada masa yang sama, Pesuruhjaya Kehakiman Thean turut memegang jawatan sebagai Ketua Hakim Mahkamah Keadilan Keluarga (FJC) sejak 1 Oktober 2014.

Beliau memainkan peranan aktif dalam pembangunan undang-undang keluarga dan amalan undang-undang itu di Singapura dan rantau ini.



PELANTIKAN BERMULA PADA 30 SEPTEMBER: Empat Pesuruhjaya Kehakiman yang telah dilantik sebagai hakim Mahkamah Tinggi, (dari kiri) Pesuruhjaya Kehakiman Thean Pik Yuen Valerie, Hoo Sheau Peng, Debbie Ong Siew Ling dan Aedit Abdullah. – Foto THE STRAITS TIMES

Pesuruhjaya Kehakiman Hoo pula berpengalaman lebih 20 tahun dalam bidang guaman dan merupakan hakim wanita pertama yang mendengar kes jenayah di Mahkamah Tinggi – 16 kes pada 2016 termasuk lima yang melibatkan hukuman mati.

Beliau merupakan Timbalan Ketua Peguam (Divisyen Sivil) di AGC sebelum dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman di Mahkamah Agung pada 30 September 2014.

Pesuruhjaya Kehakiman Ong berkhidmat sebagai profesor madya di Universiti Nasional Singapura (NUS), khususnya dalam bidang undang-undang keluarga sebelum dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman pada November 2014.

Beliau akan mengambil alih tugas sebagai Ketua Hakim FJC daripada Pesuruhjaya Kehakiman Thean yang penggal khidmatnya berakhir pada 29 September.

Pesuruhjaya Kehakiman Aedit pula mempunyai pelbagai pengalaman dalam isu sivil dan jenayah, termasuk isu kewangan yang rumit.

Beliau merupakan Ketua Pendakwa (Divisyen Keadilan Jenayah) di AGC sebelum dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman di Mahkamah Agung pada 17 November 2014.

Beliau turut mempengerusikan bersama sebuah jawatankuasa untuk menubuhkan Rangkaian Keadilan Muflis yang bertujuan membangunkan protokol antarabangsa bagi komunikasi dan kerjasama silang mahkamah.